

MARTABATKAN BAHASA MELAYU DI BUMI SENDIRI

Oleh: Nur Farah Izzati binti Che Rosli, 1170971,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Sikap suka membaca sewajarnya diterapkan dalam diri sejak kecil lagi.

Dalam meniti arus kemodenan, Malaysia semakin gah dengan pelbagai kejayaan yang dikecapi. Namun, penggunaan bahasa Melayu yang semakin dipandang rendah oleh rakyat di negara ini.

Tambahan pula, bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu yang menjadi sebagai bahasa pengantara semakin kurang diungkapkan.

Malah, ada yang berpandangan, penggunaan bahasa Melayu akan menimbulkan prejudis dan sentimen rasis terhadap kaum-kaum lain.

Segelintir rakyat Malaysia gagal menggunakan bahasa ibunda dengan sempurna. Isu kegagalan menggunakan ejaan, tatabahasa dan istilah yang betul pada papan-papan

tanda di seluruh negara bukanlah satu perkara yang baharu.

Isu ini telah pun dibahasakan bukan sahaja di peringkat akademik malah media massa turut menegur isu penggunaan bahasa kebangsaan ini.

Hal ini semakin berterusan saban hari. Apakah puncanya? Apakah tindakan kerajaan bagi membendung masalah ini?

Sebagai rakyat Malaysia yang mencintai bahasa ibunda, kita sepatutnya menterjemahkan semangat itu dengan memartabatkan bahasa Melayu.

Slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' bermaksud bahawa bahasa sebagai milik mutlak sesuatu bangsa yang menjadi identiti kebangsaan. Penggunaan dan penguasaan bahasa menunjukkan jati diri sesuatu bangsa.

Bahasa juga melambangkan bagaimana sesuatu bangsa itu menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi, perpaduan untuk saling memahami antara satu sama lain.

Kemahiran bahasa yang seimbang adalah menguasai bahasa Melayu dengan fasih dan pada masa yang sama, kita juga menguasai bahasa Inggeris dan bahasa ketiga dengan baik.

Pemerhatian mendapati bahawa penggunaan bahasa rojak, iaitu campuran bahasa Melayu dan Inggeris dalam laman sosial Facebook amat ketara digunakan oleh rakyat Malaysia.

Ini menunjukkan sikap tidak yakin rakyat Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam laman sosial.

Perkembangan ini juga membuktikan bahawa masalah bahasa rojak dalam laman sosial perlu dilihat dengan lebih serius supaya bahasa kebangsaan dapat dimartabatkan pada kedudukan yang sepatutnya.

Bahasa bukan hanya berfungsi sebagai medium komunikasi semata-mata tetapi ia menjadi lambang serta identiti sesebuah masyarakat atau bangsa.

Seiring dengan peredaran zaman, ia bercampur aduk dengan bahasa asing secara berleluasa sehingga mencalarkan martabat bahasa itu.

Menyedari keadaan itu, bekas Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr Rais Yatim pernah menyarankan agar institusi pendidikan di negara ini termasuk sekolah vernakular melaksanakan pengajaran sebutan bahasa Melayu dengan betul.

Perkara ini apabila dilaksanakan boleh memastikan masyarakat fasih dalam bahasa Melayu dan menggunakan bahasa kebangsaan dengan baik.

Apabila semua rakyat Malaysia dapat menguasai bahasa Melayu lebih baik, maka hubungan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.